

No. Rujukan : UTeM.02/10.12/2/1(27)



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 4 TAHUN 2009**

PENJELASAN CUTI PERTENGAHAN SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2009/2010

Pejabat Pendaftar
18 Ogos 2009

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 27/2009

PENJELASAN CUTI PERTENGAHAN SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2009/2010

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menjelaskan mengenai pelaksanaan dan penerusan aktiviti perkuliahan selepas Cuti Pertengahan Semester I, Sesi Akademik 2009/2010 dipercepatkan.

2.0 Cuti Pertengahan Semester I, Sesi Akademik 2009/2010 pada asalnya, telah dijadualkan bermula 15 Ogos 2009 hingga 23 Ogos 2009 mengikut Kalendar Akademik Universiti Sesi Akademik 2009/2010.

3.0 Menerusi Pekeliling Pentadbiran Bil. 36/2009 bertarikh 31 Julai 2009, semua staf dan pelajar telah dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju untuk mempercepatkan Cuti Pertengahan Semester I, Sesi Akademik 2009/2010 iaitu mulai tarikh 31 Julai 2009 hingga 9 Ogos 2009. Langkah ini diambil bagi mematuhi Perintah Penutupan Premis untuk Kerja-kerja Basmi Kuman, Basmi Serangga atau Basmi Tikus di bawah Perenggan 18(1)(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan bagi menguruskan kerja-kerja pembersihan dan pembasmian kuman di premis-premis tertentu di Universiti.

4.0 Semua pelajar dan staf Universiti dipohon memberikan perhatian bahawa aktiviti perkuliahan hendaklah perlu diteruskan bermula 10 Ogos 2009 sepertimana Kalendar Akademik. Sehubungan itu, Kuliah Semester I Bahagian Kedua akan berlangsung selama enam (6) minggu iaitu dari 10 Ogos 2009 hingga 18 September 2009.

5.0 Tarikh-tarikh bagi Cuti Khas, Kuliah Semester I Bahagian Ketiga, Cuti Ulangkaji, Peperiksaan Akhir dan Cuti Akhir Semester I, Sesi Akademik 2009/2010 adalah tidak berubah.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hasan Bin Sirun', with a stylized flourish at the end.

HASAN BIN SIRUN
Pendaftar